

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN DI  
PERTANDINGAN NASYID ANTARA JABATAN KUKUM SEMPENA  
SAMBUTAN BULAN RAMADHAN PERINGKAT KUKUM 1425 H  
BERTEMPAT DI KAMPUS KUBANG GAJAH, ARAU PADA 28 OKTOBER  
2004.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN  
REKTOR KUKUM,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

YANG BERUSAHA PROF. MADYA DR. SHAMSUL BAHARIN JAMALUDIN,  
PENASIHAT PERTANDINGAN NASYID ANTARA JABATAN PERINGKAT  
KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

DAN WARGA KERJA KUKUM YANG DIKASIHI.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA KERANA  
DENGAN LIMPAH KURNIA, REZEKI SERTA BERKAT KASIH DAN SAYANG-  
NYA MENGIZINKAN KITA, HAMBANYA SEMUA UNTUK BERKUMPUL PADA  
PAGI YANG MULIA, DI BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK INI UNTUK  
MENYAKSIKAN PERTANDINGAN NASYID ANTARA JABATAN KUKUM YANG  
BUAT JULUNG KALINYA MEMBABITKAN WARGA KERJA UNIVERSITI.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MELUNJURKAN UCAP SYABAS DAN  
TAHNIAH SERTA RASA TERIMA KASIH KEPADA PUSAT PENGAJIAN  
KEJURUTERAAN BAHAN KERANA TELAH BERJAYA MENGANJURKAN

PERTANDINGAN NASYID INI. SUDAH PASTI, SEGALA GUGUSAN IDEA SERTA PERANCANGAN DAN SETERUSNYA MELANGSUNG PERSIAPAN ACARA INI DIRANGKA SEADA SEMPURNANYA.

PUN BEGITU, DEDIKASI SERTA KOMITMEN YANG TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA TUNJUKKAN DALAM MEMASTIKAN APA YANG TELAH DIRANCANG INI BERJAYA DIZAHIRKAN AMAT MENGUJA SAYA. ANDA SEMUA TELAH MEMBUKTIKAN KUKUM BOLEH!. TIDAK ADA YANG MUSTAHIL ANDAI SEMANGAT KERJA BERKUMPULAN, PERSEFAHAMAN YANG KENTAL DAN SALING BERTOLAK-ANSUR BEGINI SENTIASA MENJADI AMALAN DAN PEGANGAN KITA SEMUA DALAM MENGHADAPI APA JUA KONDISI DAN SITUASI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

DALAM SINAR RAMADHAN AL-MUBARAK PENUH KEMULIAAN INI KITA SEMUA DIGALAKKAN BERAMAL DAN BERIBADAT KERANA PAHALA SERTA GANJARAN YANG AKAN DIBALAS ADALAH BERLIPAT KALI GANDA BERBANDING DI BULAN-BULAN YANG LAIN. ALLAH'UALAM BISSAWAB.

SELAIN MENERJAKAN SOLAT TARAWIH, WITIR, BERTADARUS, BERTASBIH, BERTAHMID, BERTAHLUL DAN SEBAGAINYA, MENGESAKAN ALLAH BUKAN TERCAKUP KEPADA AMALAN SPIRITUAL BEGITU SAHAJA MALAH MELAUNG-LAUNG DAN MEMUJI-MUJI NAMA SERTA KEBESARAN ALLAH SEPERTI BERNASYID JUGA AMAT DIGALAKKAN.

NASYID BERMAKSUD ALUNAN MUZIK YANG TERHASIL SECARA ALAMI DARI PADANG PASIR DI TANAH ARAB. EVOLUSI SERTA PEREDARAN MASA MENYAKSIKAN NASYID KONVENSIONAL YANG MENGGUNAKAN

GENDANG, KERINCING, KOMPANG DAN INSTRUMEN ASAS BEGITU POPULAR DAN MENDAPAT TEMPAT DI HATI PARA PENDENGAR

SEKALI BAH, SEKALI PANTAI BERUBAH. BEGITU LAH DENGAN NASIB YANG MENIMPA IRAMA NASYID YANG TERPAKSA BERSAING HEBAT DENGAN IRAMA SERTA LAGU ARUS PERDANA YANG LEBIH SEGAR, MENGHIBURKAN, POPULAR DAN DITERIMA RAMAI. IRAMA NASYID YANG SARAT DENGAN MESEJ YANG POSITIF BUKAN SAHAJA GAGAL MENDAPAT SAMBUTAN MALAH DIANGGAP KUNO, MUZIK KAMPUNGAN OLEH SESETENGAH INDIVIDU.

NAMUN LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH INDIVIDU-INDIVIDU YANG BERJAYA MEMBAWA REVOLUSI KE DALAM IRAMA NASYID KONVENSIONAL DAN MEMASUKKAN ELEMEN-ELEMEN KONTEMPORARI DAN INSTRUMEN MUZIK YANG KOMPLEKS MENGANGKAT SEMULA IRAMA NASYID YANG LESU SEBELUMNYA, MENJADI LEBIH RANCAK, SEGAR DAN SELARI DENGAN PEREDARAN MUZIK SEMASA.

USAHA MURNI INDIVIDU-INDIVIDU TERSEBUT HARUS DIBERI PUJIAN KERANA IRAMA SERTA LAGU NASYID JIKA TIDAK DIPERTAHANKAN, IA AKAN PUPUS DAN HILANG DITELAN ARUS MUZIK MODEN YANG UMUM MENGETAHUINYA MEMPUNYAI PENGARUH YANG CUKUP KUAT KE ATAS PEMIKIRAN, FESYEN DAN TINGKAH LAKU REMAJA KITA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

LAGU-LAGU YANG MEMUJI KEBESARAN ILLAHI INI BUKAN SAHAJA DAPAT DITERIMA RAMAI MALAH KEMUNCULAN KUMPULAN NASYID KONTEMPORARI TUMBUH BAGAI CENDAWAN SELEPAS HUJAN. MAKA

LAHIR LAH NAMA-NAMA KUMPULAN NASYID SEPERTI RAIHAN, RABBANI, HIJAZ, IN-TEAM, UNIC DAN SEBAGAINYA DI PERSADA MUZIK TEMPATAN.

BAGI WARGA KUKUM PULA, PERTANDINGAN NASYID SEBEGINI BUKAN SAHAJA DAPAT MENCUNGKIL BAKAT-BAKAT BARU DI KALANGAN WARGA KERJANYA TETAPI IA SECARA LANGSUNG JUGA DAPAT MERAPATKAN LAGI UKHUWAH SERTA TALI PERSAUDARAAN DI KALANGAN KITA SEMUA.

SELAIN DARI ITU PERTANDINGAN YANG DIADAKAN DI BULAN YANG MULIA INI MEMBERI SERIBU SATU MANAFAAT SECARA TERSIRAT KEPADA KITA SEMUA. SAYA PERCAYA SETIAP ANTARA ANDA DI SETIAP JABATAN YANG MEMASUKI PERTANDINGAN INI PASTI AKAN BERBINCANG, BERMESYUWARAH DAN SETERUSNYA MENCAPAI KATA SEPAKAT UNTUK MEMILIH LAGU YANG AKAN DIPERTANDINGKAN. LANGSUNG DARI ITU, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA BERLATIH HARI DEMI HARI UNTUK MENCAPAI KESEMPURNAAN.

NATIJAHNYA, DI SINI LAH DIUJI KESABARAN DAN MELATIH SEMANGAT KERJASAMA SECARA BERKUMPULAN TADI. TANPA DISEDARI IA JUGA MENGUJI KESABARAN ANDA SEMUA DALAM MENJALANI LATIHAN NASYID DALAM KEADAAN PERUT YANG LAPAR DAN DAHAGA SERTA MENAMBAT MESRA HUBUNGAN DAN PERSEFAHAMAN DI ANTARA SATU SAMA LAIN.

DI KESEMPATAN INI, SUKA SAYA BERPESAN NAWAITU KITA SEMUA MEMASUKI PERTANDINGAN INI HARUSLAH JUJUR, MURNI DAN IKHLAS. BUKAN KEMENANGAN ATAU 'TITLE' JUARA YANG MAHU DIREBUT DAN DIBANGGAKAN, SEBALIKNYA KITA SEMUA HANYA MAHU Mencari KEREDHAAN ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DENGAN MELAUNG-LAUNGAN KALIMAH-KALIMAH SUCI SERTA KEBESARAN-NYA DALAM

MENGISI BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK INI DENGAN AKTIVITI-AKTIVITI KEROHANIAN YANG BOLEH MENDATANGKAN MANAFAAT BERSAMA.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN SAYA PADA PAGI INI, SAYA SEKALI LAGI BERPESAN KEPADA SEMUA WARGA KERJA KUKUM, HAYATILAH SEPENUH KEBERKATAN BULAN RAMADHAN AL MUBARAK INI. MARI LAH KITA SEMUA BERSAMA-SAMA MEREBut PELUANG MENDEKATKAN DIRI KITA KEPADA YANG MAHA PENCIPTA, YANG MAHA PENYAYANG DAN MAHA MENGAMPUNI.

BAGI MENGAKHIRI UCAPAN, SYABAS DAN TAHNIAH SEKALI LAGI SAYA UCAPKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA PERTANDINGAN NASYID ANTARA JABATAN KUKUM 1425 HIJRAH KERANA USAHA GIGIH YANG BERTERUSAN DALAM MENGGARAP IDEA, MENYUSUN KERJA BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM PADA PAGI INI.

DENGAN UCAPAN BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM, SAYA DENGAN INI MERASMIKAN PERTANDINGAN NASYID ANTARA JABATAN KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA 1425 HIJRAH. SAYA SUDAHI DENGAN WABBILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.